

02/01/2002

Pemilik The Sun tidak didesak

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak pernah mendesak pemilik akhbar The Sun supaya mengambil tindakan terhadap kakitangannya berhubung laporan muka depan mengenai komplot untuk membunuh Perdana Menteri dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Minta mereka tampil dan beritahu saya yang saya memberi tekanan dan saya akan katakan di depan muka mereka mengenai apa yang saya berpendapat mengenai mereka," katanya kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Tahun Baru anjuran Parti Progresif Penduduk (PPP) di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan pemberita The Sun yang berkata akhbar itu menerima surat pembaca menyatakan pendapat bahawa Perdana Menteri dan kerajaan mengenakan tekanan pada pemilik akhbar itu supaya mengambil tindakan terhadap kakitangannya ekoran laporan berkenaan.

Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata beliau puas hati dengan tindakan beberapa kakitangan atasan meja berita akhbar The Sun yang meletakkan jawatan selepas akhbar itu menyiarkan berita mengenai komplot membunuh Perdana Menteri dan Abdullah di muka depan pada 25 Disember lalu.

Pada keesokannya, Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata beliau tidak pernah mengarahkan ketua pengarang dan pengarang akhbar The Sun untuk meletakkan jawatan kerana berita yang diterbitkan itu.

Selepas Dr Mahathir, Abdullah dan polis menafikan kewujudan komplot seperti itu, ketua pengarang akhbar The Sun, H'ng Hung Wong dan pengarangnya Andy Ng meletakkan jawatan, manakala ketua pengarang berita, Robert Ho, digantung tugas.

Pemberita R Manirajan yang menulis berita itu dan jurugambar Anita Md Nasir juga digantung tugas.

Dr Mahathir berkata, tindakan The Sun menggantung tugas dua wartawannya itu adalah masalah dalaman organisasi itu. "Itu adalah masalah dalaman mereka," katanya.

(END)